

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kejayaan program estet padi setakat ini. Apakah masalah terbesar dalam usaha mewujudkan estet padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program estet padi ini boleh melibatkan beberapa model pengurusan ladang secara berpusat mulai peringkat penanaman, penuaian sehingga ke pemasaran. Buat masa ini, Kerajaan berusaha mengetengahkan idea penyatuan pengurusan ladang yang akan diuruskan oleh satu badan pengurusan samada seperti syarikat *Special Purpose Vehicle* (SPV) atau koperasi. Konsep penyatuan pengurusan tanah ini akan hanya melibatkan penyatuan pengurusan tanah tanpa sebarang pengambilalihan atau pertukaran hak milik tanah pesawah. Buat masa ini, beberapa program sedia ada di bawah Projek Pemacu Pertanian (PPP) seperti *Entry Point Project*, EPP#10 dan EPP#11 boleh diambil sebagai asas pelaksanaan konsep estet padi ini. Konsep estet padi ini akan memberi kesan positif kepada pemilik tanah sawah terutamanya yang bersaiz kecil apabila pengurusan tanah ini disatukan di bawah satu badan pengurusan.

2. Antara manfaat pesawah-pesawah daripada program estet padi adalah seperti berikut:

- i. Keseragaman dalam pengurusan estet padi secara efisien;
- ii. Pengurangan kos pengeluaran padi berdasarkan pelaksanaan Projek Estet Padi dilaksanakan secara berpusat selain menjimatkan sumber seperti input;
- iii. Menambah pengeluaran hasil padi melalui pelaksanaan projek secara berskala besar dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan pesawah; dan
- iv. Meningkatkan kecekapan pengurusan ladang di mana aktiviti penanaman padi dilaksanakan secara seragam dan mematuhi syor yang ditetapkan seperti jadual penanaman dan *Rice Check*.

3. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan pelbagai agensi berkaitan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian (DOA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) boleh menjadi pemangkin pelaksanaan konsep estet padi dan penyatuan pengurusan tanah sawah ini. Agensi berkaitan boleh memainkan peranan dalam aspek penggembleran tenaga kerja, penyelarasan jadual gerak kerja, pengagihan sumber dan input, khidmat bimbingan dan pemasaran. Melalui estet padi, tanah sawah milik petani didaftarkan melalui PPK untuk menjadi satu kawasan pengeluaran padi yang luas dan tersusun. Dengan pelaksanaan aktiviti persawahan secara sistematik dan mendisiplinkan peladang kepada amalan pengurusan ladang yang baik (myGAP), hasil padi dapat ditingkatkan secara optima yang akhirnya akan menjana peningkatan pendapatan kepada pemilik tanah dan pesawah.

Sekian, terima kasih.